

Bumiputera mampu kuasai pasaran perabot

UM 02/03/08

Oleh SAHBULAH DARWI

JOHOR BAHRU 1 Mac - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menasarkankan usahawan bumiputera mampu menguasai lebih RM400 juta nilai pasaran perabot domestik setahun mulai tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, penguasaan sebanyak 40 peratus daripada keseluruhan RM1.2 bilion nilai pasaran itu dijangka diperolehi menerusi pembukaan dan operasi 20 cawangan Perabot Ria di seluruh negara.

"Ketika ini usahawan bumiputera hanya menguasai 20 peratus daripada RM1.2 bilion nilai pasaran tetapi mulai tahun depan, apabila kesemua 20 cawangan itu beroperasi maka sasaran 40 peratus itu boleh dicapai," katanya pada majlis perasmian cawangan ketiga Perabot Ria di Pulau Perdana di sini hari ini.

Perabot Ria adalah kedai jualan,

pameran dan pemasaran perabot yang dijalankan oleh usahawan bumiputera dengan kerjasama Pusat Sumber Teknologi Perabot (Fitec) dan Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Beliau berkata, Perabot Ria setakat ini mempunyai tiga cawangan membabitkan kira-kira 330 usahawan pengeluaran produk perabot dan ia akan diperluaskan ke seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Bagi pasaran eksport pula, menurutnya, Perabot Ria dijangka mampu meningkatkan penguasaannya daripada dua peratus kepada tiga peratus dalam keseluruhan nilai eksport yang kini bernilai RM7.6 bilion.

Mohamed Khaled berkata, cawangan baru Perabot Ria akan dibuka di kawasan bandar dan luar bandar yang dikenal pasti terdapat permintaan tinggi daripada pelanggan.

Katanya, kementerian memberi bantuan antara RM100,000 hingga RM150,000 bagi setiap cawangan



MOHAMED KHALED NORDIN

kedai jualan perabot yang diusahakan oleh usahawan bumiputera terpilih.

Beliau berkata, operasi Perabot Ria

melibatkan rantaian nilai perniagaan daripada pengilang, pembekal, vendor, pemborong, peruncit dan pereka hiasan dalaman yang dihasilkan oleh bumiputera.

Katanya, dalam aspek pemasaran, Perabot Ria akan bekerjasama dengan badan-badan koperasi dan kumpulan penduduk bagi memudahkan jualan.

Sementara itu Mohamed Khaled berkata, kerajaan berjaya meningkatkan kedudukan ekonomi bumiputera melalui perniagaan apabila melahirkan lebih 1.1 juta peniaga dan 130,000 usahawan di seluruh negara.

Menurut beliau, jumlah itu turut melibatkan pinjaman RM18 bilion yang diberikan kerajaan kepada mereka sejak tahun 2004 hingga hari ini.

"Mereka terlibat dalam pelbagai bidang perniagaan dan ini semua adalah hasil daripada program serta projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah kementerian selama empat tahun lalu," katanya.